

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: College Of Business - COB
Sent: Thursday, April 12, 2018 3:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle; Akmal bin Mohamed; Syazwani Bt. Saad; Azlina Bt Musa
Subject: PNC UUM COB DEKATI STAF PEJABAT PPA UUM COB DAN UNIT AKREDITASI AACSB



Educating tomorrow's **business leaders** today

12 APRIL 2018 (KHAMIS) | 25 REJAB 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,



UUM COB ONLINE: PNC UUM COB meneruskan aktiviti 'Road Tour' beliau ke Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA UUM COB) dan Unit Akreditasi AACSB. Perjumpaan kali ini diadakan di Bilik Kedah, Bangunan SBM, UUM COB.

Dekan Pejabat PPA UUM COB, Dr. Hendrik Lamsali dan Pengarah Unit Akreditasi AACSB, Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk meluangkan masa bersama - sama PNC UUM COB, Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah. Majlis tersebut dimulakan

dengan bacaan ummul kitab oleh Dr. Hendrik Lamsali dan seterusnya mengalu – alukan kedatangan PNC UUM COB.

Perjumpaan tersebut turut dihadiri semua staf Pejabat PPA UUM COB dan Unit Akreditasi AACSB. Majlis diteruskan lagi dengan pembentangan laporan dan aktiviti terkini dari Pejabat PPA UUM COB oleh Dr. Hendrik Lamsali dan laporan terkini Unit Akreditasi AACSB oleh Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail.

Pejabat PPA UUM COB berperanan dalam membentuk para pelajar UUM COB menentukan hala tuju mereka setelah mereka tamat pengajian di UUM. Pejabat PPA UUM COB bertanggungjawab menyelaras pelajar - pelajar praktikum, menyediakan program mobiliti pelajar dan aktiviti - aktiviti persatuan para pelajar UUM COB. Selain itu, Pejabat PPA UUM COB juga mengenalpasti alumni – alumni UUM COB dan menjemput mereka untuk memberi sedikit motivasi kepada para pelajar untuk lebih bersemangat dalam pembelajaran di samping alumni sendiri boleh kembali menyumbang kepada universiti dan UUM COB khususnya. Secara amnya Unit Akreditasi AACSB pula dipertanggungjawabkan bagi mengekalkan pengiktirafan akreditasi antarabangsa AACSB yang telah diperoleh pada tahun 2016. Menurut Pengarah Unit Akreditasi AACSB, maklumat dan bahan – bahan yang terkini harus dikumpul sebagai persiapan untuk penyediaan laporan *Continuous Improvement Review (CIR)*.

Sesi soal jawab diteruskan lagi bagi membuka peluang buat staf Pejabat PPA UUM COB dan Unit Akreditasi AACSB melontarkan idea ataupun berkongsi pendapat secara terus kepada PNC. Kekangan Kewangan jabatan antara isu yang diutarakan oleh staf yang hadir.

Majlis tersebut diakhiri dengan kata – kata semangat daripada PNC kepada semua staf Pejabat PPA UUM COB dan Unit Akreditasi AACSB. Beliau berharap kelancaran pentadbiran di kedua – dua pejabat tersebut diteruskan dengan lebih cekap dan lancar. PNC turut berharap agar semua objektif yang telah ditetapkan oleh Pejabat PPA UUM COB dan Unit Akreditasi AACSB dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Tamat.



Educating tomorrow's **business leaders** today

UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah.
Tel: 04 - 9286513/6516
Fax: 04 - 9286525
Website: www.cob.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.